

KOORDINASI UMNO DALAM POLITIK DAN PILIHAN RAYA DI SINGAPURA: FAKTOR, STRATEGI DAN PRESTASI, 1954-1959

Muhammad Naim Fakhirin Rezani¹

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan perkembangan politik Singapura pada awal 1950-an dengan memberi tumpuan terhadap penglibatan parti politik utama dari Tanah Melayu iaitu UMNO. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, UMNO berjaya mengukuhkan kedudukan dalam politik Singapura melalui sokongan dari pengundi Melayu terhadap parti itu dalam tempoh 1955-1959. Pengukuhan UMNO dilakukan berdasarkan strategi yang direncanakan oleh pemimpin parti tersebut. Pilihan raya 1955 menjadi penentu kepada kedudukan UMNO dalam politik Singapura. Pilihan raya 1959 pula membuktikan kedudukan UMNO sebagai parti yang berjaya mendapat sokongan dalam kalangan pengundi Melayu di Singapura. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan sumber primer dari National Archive, Kew dan National Archive Singapore sebagai sumber utama penulisan. Selain itu, penulisan turut menggunakan akhbar *Utusan Melayu*, *The Straits Times*, *Singapore Standard* dan *Berita Harian* yang diterbitkan dalam tempoh tersebut bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen sumber primer tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan penglibatan UMNO dalam politik Singapura merangkumi strategi yang disusun oleh parti itu seperti strategi pemilihan calon, kempen dan kawasan yang ditandingi. Selain itu, dapatan kajian ini turut menunjukkan prestasi UMNO merupakan hasil kesinambungan strategi kepimpinan parti yang berjaya memanfaatkan sentimen masyarakat Melayu sehingga mempengaruhi perubahan pola pengundian dalam pilihan raya Singapura antara 1955 hingga 1959.

Kata kunci: Demokrasi; UMNO; Singapura; Politik Melayu; Pengukuhan Politik

ABSTRACT

*This study discusses the development of Singapore politics in the early 1950s by focusing on the involvement of the main political party from Malaya, namely UMNO. Based on the study conducted, UMNO succeeded in strengthening its position in Singapore politics through support from Malay voters for the party during the period of 1955-1959. This strengthening of UMNO was carried out based on the strategy planned by the party leaders. The 1955 election was a catalyst for determining UMNO's position in Singapore politics. Meanwhile, the 1959 election proved UMNO's position as a party that succeeded in gaining support among Malay voters in Singapore. This study draws primarily on archival materials from the National Archives, Kew, and the National Archives of Singapore as its main sources. In addition, contemporary newspapers such as *Utusan Melayu*, *The Straits Times*, *Singapore Standard* and *Berita Harian* published during the period were also consulted to complement and provide continuity with the primary source documents. The findings of this study discuss UMNO's involvement in Singapore politics, including the strategies formulated by the party such as candidate selection strategies, campaigns and contested areas. These three factors are determinants of the main elements of UMNO's political strategy planning. In addition, the findings of this study also detail the performance achieved by UMNO as a continuation of the strategy planned by the party leaders and successfully influenced the change in Malay voter patterns towards Singapore politics during the election period held from 1955 to 1959.*

Keywords: Democracy; UMNO; Singapore; Malay Politics; Political Influence

PENGENALAN

Dekad 1950-an memperlihatkan semangat masyarakat tempatan untuk terlibat dalam politik Singapura mencapai tahap kemuncak. Peningkatan semangat ini berlaku disebabkan oleh perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu serta Singapura (Roff, 2005). Walaupun kedua-dua wilayah ini terpisah dari segi pentadbiran dan mempunyai garisan sempadan tersendiri, namun konteks politik serumpun tetap dikongsi secara bersama antara masyarakat kedua-dua wilayah ini. Politik serumpun ditakrifkan sebagai perkongsian budaya politik dan sosioekonomi oleh masyarakat yang berada pada dua tempat berbeza (Soda, 2020). Dalam hal ini, politik serumpun ini berlaku dengan ketara pada 1950-an antara Singapura dan Tanah Melayu. Berdasarkan kepada keadaan ini, masyarakat dan pemimpin politik tempatan di Tanah Melayu masih menganggap Singapura adalah sebuah entiti politik yang sama dengan Tanah Melayu (Soda, 2020). Justeru itu, parti politik di Tanah Melayu turut terlibat secara langsung untuk bertanding di Singapura pada 1950-an. Antara parti dari Tanah Melayu yang bertanding di Singapura dalam tempoh 1955-1959 adalah Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO - *United Malays National Organization*).

Penglibatan UMNO dalam politik Singapura pada hujung 1950-an merupakan usaha yang dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman bagi meluaskan pengaruh parti tersebut di Singapura (CO 1030/310). Selepas berjaya membuktikan UMNO merupakan 'tongkat' bagi masyarakat Melayu di Tanah Melayu, UMNO berusaha untuk melakukan tindakan sedemikian di Singapura (DO 35/9922). Perluasan pengaruh politik yang dilakukan oleh UMNO dapat dilihat berdasarkan kepada strategi yang dilakukan oleh pemimpin parti itu pada peringkat awal seperti melantik tokoh berpengaruh mengetuai UMNO Singapura dan memberi tumpuan terhadap kawasan majoriti penduduk Melayu. Seterusnya, prestasi yang dicapai oleh UMNO pada Pilihan Raya Umum 1955 dan 1959 di Singapura merupakan kesinambungan terhadap strategi yang direncanakan oleh parti tersebut. Sehubungan itu, kajian yang dilakukan ini terbahagi kepada empat perbincangan iaitu koordinasi UMNO dalam politik Singapura dalam tempoh 1955-1959, prestasi UMNO pada pilihan raya 1955 dan 1959 serta pola pengundi Melayu terhadap UMNO di Singapura. Berdasarkan kepada perbincangan ini, kajian ini dapat membuktikan sokongan terhadap UMNO bukan hanya bergantung terhadap masyarakat Melayu di Tanah Melayu sahaja, tetapi turut melibatkan masyarakat Melayu di Singapura.

KAJIAN LITERATUR

Sungguhpun telah banyak kajian politik yang ditulis oleh sarjana terdahulu berkenaan dengan politik Singapura, namun kajian mengenai penglibatan UMNO dalam konteks politik dan pilihan raya di Singapura masih longgar. Kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada perkembangan parti utama di Singapura seperti Parti Tindakan Rakyat (PAP - *Peoples Action Party*) dan pesaingnya iaitu *Singapore Peoples Alliance* (SPA). Justeru itu, aspek perbincangan yang dilakukan dalam kajian terdahulu hanya melibatkan pengisian perkara umum. Misalnya kajian oleh Kim Wah Yeo (1973) hanya membincangkan gerakan politik di Singapura secara umum tanpa memperincikan penglibatan parti dari Tanah Melayu dalam konteks persaingan pilihan raya di negara ini. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian oleh Hussin Mutalib (2004) yang turut membincangkan perkembangan PAP secara naratif iaitu perincian melibatkan kemenangan PAP pada pilihan raya, sekali gus membolehkan parti ini menguasai politik Singapura. Sehubungan ini, kedua-dua kajian ini tidak membincangkan penglibatan parti dari Tanah Melayu, terutamanya perincian yang melibatkan persaingan dalam pilihan raya yang berlangsung di Singapura pada 1959.

Begitu juga dengan kajian oleh Jayakumar (2022). Kajian ini membincangkan perkembangan politik Singapura dalam tempoh 1955-1990. Dapatan kajian ini membincangkan prestasi PAP bermula dengan pilihan raya 1955. Namun begitu, perbincangan

ini dilakukan dalam konteks umum dan hanya melibatkan PAP. Justeru itu, kajian ini tidak memperincikan persaingan yang berlaku dalam politik Singapura, terutamanya setelah parti dari Tanah Melayu bertanding pada pilihan raya umum.

Kajian mengenai politik masyarakat Melayu di Singapura ditulis oleh beberapa sarjana seperti Tschacher (2017) dan Abdullah (2021). Kajian oleh Tschacher (2017) menyatakan gerakan politik Melayu di Singapura bermula pada awal 1920-an setelah Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ditubuhkan pada 1926. Walaupun begitu, aspek perbincangan masih longgar kerana kajian ini hanya membincangkan penglibatan parti yang memperjuangkan masyarakat Melayu di Singapura seperti KMS dan UMNO pada pilihan raya 1950-an. Justeru itu, konteks perbincangan yang melibatkan persaingan politik dalam pilihan raya tidak dilakukan dengan terperinci menyebabkan kajian ini tidak membincangkan aspek politik masyarakat Melayu di Singapura secara keseluruhan.

Dapatan kajian oleh Barr (2014) dan Eugene Tan (2024) berbeza dengan kajian-kajian yang dinyatakan kerana kedua-dua kajian ini membincangkan mengenai perkembangan politik persaingan yang dihadapi oleh PAP sepanjang penglibatan parti itu dalam pilihan raya di Singapura. Namun begitu, kedua-dua kajian ini hanya membincangkan kejayaan yang dicapai oleh PAP tanpa memperincikan persaingan yang dihadapi oleh parti ini pada peringkat awal dengan membabitkan UMNO. Justeru itu, kedua-dua kajian ini tidak melihat signifikan penglibatan UMNO dalam politik Singapura pada 1950-an.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu, penglibatan UMNO dalam politik Singapura, terutamanya dalam konteks pilihan raya 1950-an masih kurang dibincangkan secara terperinci. Jika ada kajian yang membincangkan perkara tersebut, perbincangan hanya dilakukan secara umum tanpa melihat isu perjuangan, kempen serta butiran prestasi UMNO semasa terlibat dalam politik di Singapura. Justeru itu, kajian yang akan dilakukan ini akan memperincikan persaingan politik yang berlaku di Singapura pada 1950-an dengan memberi tumpuan terhadap gerakan UMNO di Singapura pada 1950-an, terutamanya dalam konteks PRU 1955 hingga 1959.

METODOLOGI


Kajian yang dilakukan berkenaan penglibatan UMNO terhadap politik dan pilihan raya di Singapura ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pendekatan sejarah. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dari jabatan pilihan raya Singapura iaitu *Election Department* (ELD) yang diperoleh daripada Singapore National Archive. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber dari *National Archive*, Kew seperti *Colonial Office* (CO), *Dominion Office* (DO) dan *Foreign Commonwealth Office* (FCO) bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Kesemua dokumen yang dinyatakan tersebut dianalisis secara tematik seperti yang dicadangkan oleh Ranke (2010) iaitu mengenal pasti dokumen yang relevan dengan kajian dan membandingkan dokumen-dokumen tersebut itu bagi memperoleh data yang kukuh. Misalnya penggunaan dokumen *Colonial Office* dan *Foreign and Commonwealth Office* dipilih kerana kedua-dua dokumen ini mengandungi minit mesyuarat dan catatan mengenai dasar dan tindakan British terhadap Singapura dalam tempoh 1948-1959. Kedua-dua dokumen ini akan dibandingkan untuk menentukan ketepatan data. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan tindakan British terhadap politik di Singapura, terutamanya perkara yang melibatkan proses berkerajaan sendiri dalam tempoh 1948-1959. Melalui penggunaan sumber primer tersebut, data yang diperoleh adalah secara langsung dari individu yang terlibat. Misalnya fail FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore mengandungi data yang melibatkan laporan British mengenai gerakan pemimpin politik tempatan seperti maklumat dan tempat kempen serta minit mesyuarat pejabat Gabenor yang menjadi rujukan penting untuk kajian.

KOORDINASI POLITIK UMNO DI SINGAPURA, 1955-1959

Rancangan penubuhan UMNO di Singapura bermula pada 1956, iaitu selepas UMNO berjaya memenangi kerusi Ulu Bedok pada PRU 1955. Penubuhan UMNO Cawangan Singapura merupakan rentetan dari cadangan oleh Tan Sri Hassan Yunus, iaitu Ketua Penerangan UMNO Johor. Beliau menyatakan UMNO berpotensi untuk menang lima hingga enam kerusi sekiranya bertanding di Singapura. Selain itu, isu tanggungjawab terhadap masyarakat Melayu turut menjadi faktor UMNO berusaha untuk melebarkan pengaruh parti itu ke Singapura (*The Straits Times*, 17 Mac 1956). Tan Sri Hassan Yunus turut menyatakan masyarakat Melayu di Singapura memerlukan sebuah platform untuk mengasaskan perjuangan yang kukuh bagi menjaga kebajikan serta politik dan sosioekonomi komuniti tersebut (*The Straits Times*, 17 Mac 1956).

Berdasarkan kepada cadangan tersebut, UMNO mula menyusun gerak kerja untuk menubuhkan cawangan di Singapura. Perkara pertama yang dilakukan oleh UMNO adalah menyusun kepimpinan parti itu untuk cawangan Singapura. Pada peringkat awal, UMNO menggunakan kepimpinan UMNO Johor sebagai peneraju untuk UMNO Cawangan Singapura (*The Straits Times*, 1 Oktober 1956). Namun begitu, Setiausaha UMNO Johor, Syed Ahmad Jamalulil, menyatakan UMNO Singapura memerlukan sebuah pentadbiran khusus yang terdiri dari masyarakat tempatan. Perkara ini penting kerana melalui perlantikan masyarakat tempatan, mereka lebih mengetahui tentang selok-belok politik dan demografi tempatan. Sehubungan itu, kepimpinan UMNO Singapura diumumkan oleh Pengerusi UMNO Johor, Wan Idris Wan Ibrahim.

Rajah 1. Struktur Kepimpinan UMNO Cawangan Singapura



Sumber: FCO 141/14784, Singapore: 'Petir' (Organ of the People's Action Party)

Rajah 1 membincangkan struktur kepimpinan UMNO Singapura. Berdasarkan kepada rajah tersebut, struktur kepimpinan UMNO Singapura mempunyai persamaan dengan UMNO Johor. Struktur kepimpinan ini secara tidak langsung membuktikan UMNO serius untuk meluaskan pengaruh di Singapura dan bukan hanya bertindak sebagai pelengkap proses demokrasi semata-mata. Semasa pengumuman struktur kepimpinan UMNO Singapura, Wan Idris Wan Ibrahim menyatakan UMNO Singapura akan dibarisi oleh kepimpinan tempatan. Beliau turut mengumumkan Abdul Hamid Jumat sebagai Ketua UMNO Singapura yang pertama, Abdul Rahman Said sebagai Timbalan Ketua, Syed Ahmad Jamalulail sebagai

Setiausaha Agung dan Suhaimi Ibrahim sebagai Ketua Pemuda. Mereka yang dilantik dalam jawatan tertinggi UMNO Singapura adalah tokoh yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Misalnya Abdul Hamid Jumat merupakan Pengerusi Komuniti Melayu Kampong Ubi manakala Syed Ahmad Jamalulail pula adalah seorang peniaga di kawasan Aljunied, dan Ketua Pemuda, Sukaimi Ibrahim adalah Ketua Belia Kampung Geyland (*The Straits Times*, 3 Oktober 1956). Perlantikan individu yang berpengaruh dalam kepimpinan merupakan strategi UMNO pada peringkat awal bagi meningkatkan sokongan dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura.

Justeru itu, perlantikan tokoh berpengaruh secara asasnya berjaya meningkatkan sokongan terhadap UMNO di Singapura. Pengukuhan pengaruh UMNO dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura dapat dilihat berdasarkan kepada peningkatan ahli yang berdaftar dalam parti itu bermula pada 1956 hingga 1960. Pada 1956 iaitu ketika UMNO Singapura dalam tempoh awal penubuhan, kekuatan ahli yang berdaftar hanya 112 orang. Walaupun begitu, jumlah ini meningkat pada 1957 iaitu seramai 193 orang. Ekoran prestasi cemerlang yang dicatatkan oleh UMNO pada Pilihan Raya Umum 1959 (PRU 1959) di Singapura dan Tanah Melayu, jumlah ahli bertambah kepada 572 orang pada tahun tersebut (FCO 141/14651). Peningkatan ahli menunjukkan kedudukan UMNO di Singapura semakin kukuh.

STRATEGI DAN PRESTASI UMNO PADA PRU 1955, SINGAPURA

Pilihan Raya 1955 merupakan kesinambungan dari perubahan politik yang dilakukan oleh pentadbir British pada 1953. Perubahan yang dilakukan ini merangkumi pengiktirafan British terhadap peranan masyarakat tempatan dalam berpolitik (Naim Fakhirin, 2025). British menyatakan perubahan sistem pilihan raya dilakukan agar semua masyarakat tempatan dapat terlibat dalam politik Singapura (Naim Fakhirin, 2025). Perubahan ini melibatkan peranan Majlis Perundangan yang diperluaskan fungsi untuk menggubal akta atau undang-undang dan dikenali dengan Dewan Perundangan (Naim Fakhirin, 2025). Selain itu, perubahan ini turut melibatkan pertambahan kerusi yang dipertandingkan. Untuk itu, jumlah kerusi ditambah dari sembilan kepada 25 kerusi yang dipertandingkan (FCO 141/14598). Peningkatan jumlah kerusi turut memperlihatkan sebanyak tiga kerusi majoriti pengundi Melayu iaitu Sembawang, Southern Islands dan Ulu Bedok (*Reports Election*, 1955).

Strategi UMNO pada peringkat awal adalah bertanding pada semua kerusi majoriti pengundi Melayu. Walaupun begitu, UMNO Singapura mengambil keputusan untuk bertanding satu kerusi sahaja iaitu Ulu Bedok. Faktor utama UMNO memilih untuk bertanding satu kerusi sahaja adalah kekurangan tenaga kerja untuk parti. Setiausaha Agung, Syed Ahmad Jamalulail, menyatakan UMNO perlu bertungkus lumus untuk memastikan parti itu tidak bertanding dengan sia-sia pada PRU 1955 di Singapura (*The Straits Times*, 4 Mac 1955). Oleh itu, kepimpinan UMNO Singapura membuat keputusan untuk bertanding satu kerusi sahaja. Selain itu, faktor UMNO memilih untuk bertanding di Ulu Bedok adalah berdasarkan kepada jumlah pengundi Melayu merupakan yang tertinggi di Singapura iaitu seramai 2,177 orang (*Reports Election*, 1955).

Sehubungan itu, UMNO Singapura merasakan kerusi ini mempunyai signifikan yang jelas bagi kelangsungan parti itu dalam politik Singapura. Ketua UMNO Singapura, Abdul Hamid Jumat menyatakan kerusi Ulu Bedok menjadi penanda aras sokongan pengundi Melayu terhadap UMNO. Sekiranya kerusi ini dimenangi, UMNO mendominasi sebahagian pengundi Melayu di Singapura. Oleh itu, UMNO memilih hanya bertanding di kerusi ini untuk menguji pengaruh parti itu. Selain itu, UMNO turut bertanding hanya untuk satu kerusi bagi memudahkan jentera yang terdiri daripada ahli parti untuk berusaha memenangkan calon UMNO di kerusi ini (*The Straits Times*, 7 Mac 1955).

Selain itu, UMNO turut memberi keutamaan kepada calon sebagai strategi parti dalam usaha untuk memenangi kerusi yang ditandingi. Walaupun UMNO hanya bertanding satu kerusi pada PRU 1955, namun strategi pemilihan calon yang bertanding atas tiket parti itu dilakukan secara berhati-hati. Setiausaha Agung UMNO Singapura, Syed Ahmad Jamalulail menyatakan pemilihan calon oleh UMNO Singapura merupakan perkara yang paling penting kerana pengaruh dan kedudukan calon bakal mempengaruhi keputusan pilihan raya yang diperoleh (*The Straits Times*, 15 Februari 1955). Berdasarkan kepada perkara ini, UMNO Singapura berusaha memilih calon yang boleh menang bagi mewakili parti itu di Singapura. Hal ini kerana PRU 1955 merupakan PRU pertama yang ditandingi oleh UMNO di Singapura. UMNO berusaha mengurangkan kesilapan agar parti itu berjaya memperoleh kemenangan sulung pada PRU ini. Justeru itu, pemilihan calon dilakukan secara mesyuarat dengan kesemua pucuk kepimpinan UMNO Singapura dan Johor serta mendapatkan pandangan dari ahli parti itu. Timbalan Pengerusi UMNO Singapura, Abdul Rahman Said menyatakan UMNO akan memilih individu yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai strategi utama parti itu (*Utusan Melayu*, 19 Februari 1955).

Berdasarkan kepada perkara itu, UMNO Singapura mengumumkan calon parti itu lebih awal berbanding dengan parti lain. Menjelang hari penamaan calon PRU 1955, UMNO mengumumkan Abdul Hamid Jumat sebagai calon pertama parti itu di Singapura untuk kerusi Ulu Bedok (*Utusan Melayu*, 25 Februari 1955). Pengumuman calon lebih awal merupakan langkah kanan yang dilakukan oleh kepimpinan UMNO di Singapura kerana berjaya mendapatkan tokoh yang paling berpengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Sebelum menyertai UMNO, beliau merupakan aktivis masyarakat Melayu di Singapura. Penglibatan beliau dengan pelbagai persatuan kemasyarakatan seperti Komuniti Kampung Ubi umpamanya menjadikan beliau terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu di kawasan tersebut (*Utusan Melayu*, 25 Februari 1955). Di samping itu, Abdul Hamid Jumat juga merupakan antara pengasas UMNO di Singapura. Justeru itu, pemilihan beliau sebagai calon untuk kerusi Ulu Bedok merupakan tindakan tepat yang dilakukan oleh UMNO Singapura dalam usaha mendapatkan kemenangan pertama pada pilihan raya di Singapura.

Strategi UMNO pada PRU 1955 turut melibatkan isu yang dijadikan kempen oleh calon parti itu. Isu yang menjadi keutamaan ini merupakan perkara yang diberi perhatian oleh pengundi semasa tempoh kempen dan mempengaruhi secara langsung keputusan pilihan raya (Naim Fakhirin, 2025). Oleh itu isu utama yang dijadikan sebagai kempen adalah perkara yang melibatkan pengundi. Antara isu yang dijadikan kempen oleh calon UMNO, Abdul Hamid Jumat pada PRU ini adalah mengenai sosioekonomi masyarakat Melayu di Singapura. Beliau mengatakan UMNO telah terbukti berjaya membela nasib masyarakat Melayu di Johor dan Tanah Melayu. Melalui isu ini, beliau mengatakan hanya UMNO yang dapat menjamin keadilan untuk sosioekonomi masyarakat Melayu di Singapura (*Utusan Melayu*, 23 Mac 1955). Selain itu, beliau turut menyatakan parti Melayu yang lain di Singapura hanya sekadar berjanji kerana tiada pengalaman dalam mentadbir. Perkara ini membezakan UMNO dan parti lain di Singapura kerana pengalaman yang ada pada UMNO mampu membela masyarakat Melayu (*Utusan Melayu*, 23 Mac 1955). Berdasarkan kepada isu yang menjadi tumpuan oleh calon UMNO semasa kempen PRU 1955, UMNO berusaha menonjolkan parti itu sebagai pembela masyarakat Melayu yang lebih baik berbanding dengan parti politik lain di Singapura (Barr, 2014).

Keputusan PRU 1959 di Singapura memperlihatkan UMNO berjaya memenangi kerusi yang ditandingi oleh parti itu dengan majoriti yang selesa. Untuk persaingan di kerusi Ulu Bedok, calon UMNO, Abdul Hamid Jumat memperoleh 5,721 undi dan menang dengan majoriti 2,722 undi manakala pesaingnya Toh Seng Sit dari Parti Demokratik (PD) memperoleh 2,999 undi dan calon dari Parti Progresif (PP), Abdul Hamid bin Rahmat memperoleh 652 undi sahaja (*Reports Election*, 1955). Keputusan di kerusi Ulu Bedok memperlihatkan berlakunya persaingan tiga penjurua antara UMNO, PD dan PP. Keadaan ini

menyebabkan berlakunya perpecahan undi Melayu dengan ketara dan peluang ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh UMNO untuk memenangi kerusi ini. Perpecahan undi-sekali gus menjadikan persaingan politik di kerusi Ulu Bedok semakin terbuka kerana setiap parti yang bertanding mempunyai sokongan dari akar umbi. Namun begitu, UMNO berjaya mengatasi sokongan dari akar umbi dengan mendapatkan sokongan dari pengundi atas pagar di kerusi ini (FCO 141/14784). Rata-rata pengundi atas pagar melihat isu dan manifesto yang dikemukakan oleh calon (Jayakumar, 2022). Kejayaan calon UMNO mengeksploitasi sokongan pengundi atas pagar membolehkannya menang selesa di Ulu Bedok dengan majoriti 2,722 undi.

Selain itu, kemenangan UMNO turut disumbangkan oleh sokongan dari pengundi Melayu yang berada pada kelas kelas pertengahan. Sebahagian besar pengundi Melayu di Ulu Bedok terdiri daripada golongan peniaga kecil serta pekerja sokongan yang berkhidmat di syarikat-syarikat besar di Singapura (Hussin Mutalib, 2004). Mereka lebih kepada sifat menentang kerajaan British kerana merasakan terdapatnya unsur ketidakadilan dan pilih kasih yang dilakukan oleh British di Singapura (FCO 141/15298). Berdasarkan kepada perkara itu, mereka memilih untuk menyokong UMNO kerana parti itu terbukti membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat Melayu sama ada di Johor ataupun Tanah Melayu secara amnya (FCO 141/15298). Situasi ini seterusnya membolehkan UMNO mendapatkan sokongan, sekali gus menghasilkan kemenangan sulung untuk parti itu dalam pilihan raya di Singapura.

STRATEGI DAN PRESTASI UMNO PADA PRU 1959, SINGAPURA

Pilihan Raya Umum 1959 (PRU 1959) memperlihatkan UMNO bertanding selaku parti pilihan dalam kalangan pengundi Melayu di Singapura. Dalam Pilihan Raya Umum 1955, UMNO berjaya mencatatkan kemenangan bersejarah apabila calon tunggalnya, Abdul Hamid Jumat, memenangi sebuah kerusi, sekali gus menandakan kemunculan awal pengaruh parti tersebut dalam politik pilihan raya. Kemenangan di Ulu Bedok seterusnya membolehkan beliau dilantik sebagai Menteri Kerajaan Tempatan, Tanah dan Perumahan dan Timbalan Ketua Menteri dalam tempoh 1955-1959 (FCO 141/14854). Perlantikan ini secara tidak langsung meningkatkan pengaruh UMNO di Singapura kerana kepercayaan yang diberikan oleh pengundi Melayu terhadap parti tersebut. Sehubungan itu, PRU 1959 menyaksikan UMNO Singapura tampil dengan keyakinan yang lebih kukuh untuk memperoleh kemenangan yang lebih signifikan berbanding pencapaian pada pilihan raya 1955.

Pada PRU ini, UMNO bertanding sebanyak tiga kerusi utama yang melibatkan majoriti pengundi Melayu di Singapura. Kerusi tersebut adalah Geylang Serai, Kampong Kembangan dan Southern Islands (Reports Election, 1959). Kesemua kerusi ini mempunyai pengundi Melayu melebihi 55 peratus. Misalnya di kerusi Geylang Serai, jumlah pengundi Melayu adalah 67 peratus. Di kerusi Kampong Kembangan, jumlah pengundi Melayu seramai 61 peratus dan di kerusi Southern Islands, jumlah pengundi Melayu seramai 63 peratus (Reports Election, 1959). Jumlah peratus ini membuktikan strategi UMNO pada PRU ini masih bergantung kepada sokongan pengundi Melayu sebagai kelangsungan politik parti itu.

Walaupun begitu, strategi UMNO terhadap kerusi yang ditandingi pada PRU 1959 berbeza berbanding PRU 1955 yang lalu. Pada PRU 1959, UMNO mengambil keputusan untuk bertanding di kerusi marginal atau kerusi campuran. Kerusi campuran adalah kerusi yang mempunyai demografi pengundi hampir sama dan tidak didominasi oleh mana-mana kaum (Naim Fakhirin, 2025). Sehubungan itu, strategi ini dilaksanakan berdasarkan keyakinan tinggi kepimpinan UMNO bahawa parti itu telah menguasai pengundi Melayu secara keseluruhan dan UMNO berusaha untuk mendapatkan sokongan pengundi Cina bagi meningkatkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti itu di Singapura.

Berdasarkan kepada perkara tersebut, kerusi campuran yang ditandingi oleh UMNO pada PRU 1959 adalah kerusi Changi dan Pasir Panjang. Jumlah ini menjadikan UMNO

bertanding sebanyak lima kerusi pada PRU 1959 di Singapura. Demografi di kerusi Changi memperlihatkan pengundi Melayu berjumlah 43 peratus manakala pengundi Cina 40 peratus, pengundi India 16 peratus dan lain-lain adalah satu peratus. Di kerusi Pasir Panjang pula demografi pengundi adalah pengundi Cina 46 peratus, pengundi Melayu 37 peratus, pengundi India 19 peratus dan lain-lain satu peratus (Reports Election, 1959). Nisbah pengundi pada kedua-dua kerusi tersebut menunjukkan UMNO perlu mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu dan pengundi Cina untuk menang. Tindakan untuk mendapatkan sokongan pengundi Melayu tidak menjadi masalah bagi UMNO kerana keputusan PRU 1955 membuktikan UMNO berjaya menguasai pengundi Melayu di kerusi Ulu Bedok (Reports Election, 1955). Namun begitu, pengundi Cina di Singapura sukar untuk dibaca tahap sokongan mereka. Justeru itu, untuk mendapatkan sokongan dari pengundi Cina, UMNO bekerja keras dan merancang strategi yang tersusun untuk memenangi kedua-dua kerusi campuran ini.

Antara strategi yang direncanakan oleh UMNO adalah perkara yang melibatkan pemilihan calon. Bagi kerusi Changi, UMNO mencalonkan Abdul Rahman Said, iaitu seorang guru di Singapura. Berdasarkan kepada kredibiliti beliau melalui pendidikan, UMNO yakin akan memperoleh sokongan dari pengundi Cina di kerusi Changi (Utusan Melayu, 27 April 1959). Begitu juga untuk kerusi Pasir Panjang, UMNO mencalonkan seorang guru iaitu Sukaimi Ibrahim (Utusan Melayu, 27 April 1959). Keutamaan terhadap kerjaya calon adalah bertujuan meyakinkan pengundi bahawa mereka boleh berkhidmat untuk rakyat. Sehubungan itu, UMNO mencalonkan guru bagi bertanding di Changi dan Pasir Panjang dalam usaha mendapatkan sokongan dari pengundi Cina dan India di kedua-dua kerusi ini.

Selain itu, strategi pemilihan calon turut diberi perhatian pada kerusi lain yang ditandingi oleh UMNO. Misalnya di kerusi Southern Islands, UMNO mencalonkan muka baharu dalam politik Singapura iaitu Ahmad Jabri Akib. Selain itu, latar belakang pendidikan calon diberi keutamaan bagi menonjolkan kepada pengundi bahawa calon UMNO mempunyai pendidikan tinggi dan mampu untuk menjadi pemimpin masyarakat. Berdasarkan kepada perkara itu, calon UMNO untuk kerusi Southern Islands mendapat pendidikan dari Raffles Institution (Utusan Melayu, 27 April 1959). Di samping itu, strategi UMNO turut melibatkan pengekalan calon berpengaruh parti itu. Pada PRU ini, UMNO meletakkan Abdul Hamid Jumat sebagai '*poster boy*'. Kedudukan beliau selaku pemangku Timbalan Ketua Menteri memainkan peranan penting untuk meyakinkan pengundi bagi memberi sokongan kepada UMNO di Singapura (Utusan Melayu, 27 April 1959).

PRU ini memperlihatkan kempen yang dilakukan oleh UMNO lebih agresif berbanding PRU 1959. Perkara ini dilakukan seiring dengan strategi parti itu untuk memperlihatkan kelemahan pesaing utamanya iaitu PAP (Abdullah, 2021). Sehubungan itu, PRU ini turut memperlihatkan bermulanya bibit-bibit politik perkauman di Singapura ekoran isu kempen yang terlalu keras oleh parti yang bersaing, termasuk UMNO. Pada PRU ini, calon-calon UMNO membuat dakwaan bahawa calon bangsa Melayu yang bertanding atas tiket PAP sebagai pengkhianat bangsa (Singapore Standard, 28 April 1959). Tohmahan ini ditujukan kepada calon bangsa Melayu PAP seperti Othman Wok, Baharudin Mohamed Ariff dan Yaacob bin Mohamed. Ketua UMNO Singapura yang juga calon UMNO untuk kerusi Geylang Serai, Abdul Hamid Jumat menyatakan bangsa Melayu yang bertanding atas tiket PAP hanya bermatlamatkan kuasa politik bagi kepentingan peribadi, bukan untuk kepentingan bangsa (Singapore Standard, 28 April 1959). Calon UMNO untuk kerusi Pasir Panjang iaitu Sukaimi Ibrahim menyatakan bangsa Melayu yang bertanding atas tiket PAP lebih rela mengikut telunjuk Cina untuk mendapatkan kuasa politik (Singapore Standard, 28 April 1959). Kenyataan yang dikeluarkan oleh calon UMNO menunjukkan isu perkauman mula menular dalam tempoh PRU 1959. Tindakan ini dilakukan untuk mendapatkan sokongan penuh dari pengundi Melayu dan berusaha untuk menonjolkan bahawa hanya UMNO yang mampu membela nasib masyarakat Melayu di Singapura.

Keputusan PRU 1959 memperlihatkan UMNO berjaya mencatat keputusan yang memberangsangkan berbanding PRU lalu. Pada PRU 1959, UMNO berjaya memenangi tiga dari lapan kerusi yang ditandingi oleh parti tersebut. Antara kerusi yang dimenangi oleh UMNO adalah Geylang Serai, Kampong Kembangan dan Southern Islands. Kemenangan UMNO terhadap kerusi ini membuktikan pengundi Melayu di Singapura memberi sokongan terhadap UMNO berbanding pesaing utama sama ada PAP atau Singapore Peoples Alliance (SPA). Perkara ini dapat dibuktikan melalui kemenangan selesa yang dicapai oleh UMNO di kerusi yang ditandingi oleh parti itu. Misalnya di kerusi Geylang Serai, UMNO menang dengan majoriti 3,658 undi. Manakala di Southern Islands, UMNO menang dengan majoriti 1,373 undi (Reports Election, 1959). Kemenangan dengan majoriti selesa ini membuktikan sokongan masyarakat Melayu di Singapura terhadap UMNO semakin kukuh.

Walaupun begitu, UMNO turut menghadapi persaingan sengit dari PAP. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh individu yang dicalonkan oleh UMNO dan PAP merupakan calon yang berpengaruh dari kedua-dua parti tersebut. Persaingan di kerusi Kampong Kembangan memperlihatkan UMNO mempertaruhkan calon muka baharu iaitu Mohd Ali Alwi, manakala PAP mempertaruhkan calon berpengaruh parti iaitu Othman Wok (Reports Election, 1959). Kedua-dua tokoh ini memainkan peranan yang penting dalam politik masyarakat Melayu di Singapura. Mohd Ali Alwi merupakan antara penggerak belia masyarakat Melayu melalui UMNO manakala Othman Wok pula antara pengasas PAP (Utusan Melayu, 28 April 1959). Pertembungan kedua-dua calon ini menyebabkan persaingan politik Melayu di kerusi Kampong Kembangan semakin sengit. Tambahan pula, persaingan di kerusi ini melibatkan enam penjurong antara UMNO, PAP, SPA, PAS, Kesatuan Melayu dan Parti Rakyat. Sehubungan itu, persaingan menjadi semakin sengit kerana setiap parti yang bertanding di kerusi ini mempunyai kekuatan dan pengaruh sendiri dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura (Utusan Melayu, 28 April 1959).

Keputusan PRU 1959 untuk kerusi Kampong Kembangan memperlihatkan UMNO berjaya memenangi kerusi ini dengan majoriti tipis iaitu hanya dengan 244 undi (Reports Election, 1959). Mohd Ali Alwi memperoleh 4,443 undi, manakala PAP menerusi Othman Wok memperoleh 4,199 undi. Pesaing terdekat, Mohamad Haji Yacob dari SPA memperoleh 2,028 undi (Reports Election, 1959). Keputusan calon lain dari Kesatuan Melayu, PAS dan Parti Rakyat dilihat sebagai 'sekadar pelengkap demokrasi' kerana hanya memperoleh undi kurang dari 20 peratus dari pengundi keseluruhan (Reports Election, 1959). Perkara ini menyebabkan ketiga-tiga calon dari parti tersebut gagal mendapatkan semula wang pertaruhan. Justeru itu, kemenangan UMNO di kerusi ini membuktikan parti itu berjaya mengukuhkan kedudukan dan pengaruh dalam kalangan pengundi Melayu di Singapura.

Manakala persaingan di kerusi campuran yang ditandingi UMNO seperti Changi, Pasir Panjang, Siglap, Tanglin dan Telok Blangah memperlihatkan UMNO tewas kesemua kerusi tersebut kepada PAP (Reports Election, 1959). Walaupun gagal memenangi kesemua kerusi tersebut, namun UMNO berjaya memberi saingan sengit terhadap PAP. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada jumlah majoriti undi yang dimenangi oleh PAP. Misalnya di Tanglin, UMNO tewas dengan majoriti 312 undi manakala di Pasir Panjang, UMNO tewas dengan majoriti 419 undi. Di Changi, UMNO tewas dengan 662 undi (Reports Election, 1959). Kelalahan dengan majoriti tipis ini disebabkan oleh UMNO gagal menguasai sokongan pengundi Cina di kerusi tersebut.

Kekalahan di kerusi Siglap dan Telok Blangah disebabkan oleh permasalahan politik dalaman yang dihadapi oleh UMNO. Misalnya di kerusi Siglap, UMNO menanggung kekalahan setelah mencalonkan semua Encik Sidiq, bekas Ketua Kesatuan Melayu Singapura. Pencalonan semula Encik Sidiq ditolak oleh pengundi Melayu kerana sebahagian mereka menganggap Encik Sidiq sebagai pengkhianat kepada Kesatuan Melayu Singapura (Utusan Melayu, 29 April 1959). Di kerusi Telok Blangah, masyarakat Melayu di kerusi tersebut menolak Osman Gani sebagai calon UMNO kerana beranggapan beliau tidak mampu


menggalas tugas sebagai wakil rakyat kerana semasa tempoh kempen, tersebar gambar beliau sedang berjudi (Utusan Melayu, 29 April 1959). Oleh itu, UMNO tewas dengan majoriti besar untuk kedua-dua kerusi ini iaitu di kerusi Siglap dan Telok Blangah. Di kerusi Siglap, UMNO tewas dengan majoriti 2,989 undi dan di kerusi Telok Blangah UMNO tewas dengan majoriti 1,662 undi (Reports Election, 1959).

Berdasarkan prestasi UMNO di lapang kerusi yang ditandingi pada PRU 1959, keputusan jelas menunjukkan UMNO menguasai sokongan pengundi Melayu di Singapura. Kemenangan dengan selesa pada tiga kerusi iaitu Kampong Kembangan, Geylang Serai dan Southern Islands membuktikan UMNO berjaya mendominasi sokongan pengundi Melayu di Singapura. Namun begitu, kegagalan mendapatkan sokongan pengundi Cina mengakibatkan UMNO gagal memenangi kerusi campuran yang ditandingi oleh parti itu pada PRU 1959.

PERUBAHAN POLA SOKONGAN PENGUNDI MELAYU TERHADAP UMNO DALAM PRU 1959

Keputusan PRU 1959 memperlihatkan UMNO menguasai pengundi Melayu di Singapura. Kemenangan terhadap tiga kerusi majoriti pengundi Melayu di Singapura iaitu Kampong Kembangan, Geylang Serai dan Southern Islands membuktikan sokongan pengundi Melayu lebih tertumpu terhadap UMNO berbanding parti lain. Ketiga-tiga kerusi tersebut mempunyai signifikan terhadap politik Singapura kerana mempunyai pengundi Melayu paling ramai. Purata pengundi Melayu pada ketiga-tiga kerusi tersebut adalah antara 70-75 peratus (Reports Election, 1959). Justeru itu, kemenangan UMNO di ketiga-tiga kerusi itu membuktikan penguasaan parti ini terhadap masyarakat Melayu di Singapura.

Rajah 2. Perbandingan Peratus Undi Popular Pengundi Melayu Berdasarkan Parti, PRU 1955 dan PRU 1959 di Singapura



Sumber: Reports of Legislative Election, 1955; Reports of Legislative Election, 1959, Singapore Election Department.

Rajah 2 menunjukkan perubahan pola pengundi Melayu antara PRU 1955 dan PRU 1959 berdasarkan kepada undi popular untuk setiap parti. Pengiraan undi popular dilakukan berdasarkan kepada campuran undi yang diperolehi semua parti tersebut berdasarkan kepada keputusan pilihan raya (Naim Fakhirin, 2025). Berdasarkan Rajah 2, UMNO mencatat

perubahan drastik pada PRU 1959 berbanding PRU 1955. Pada PRU 1955, UMNO hanya memperoleh 27 peratus, bersamaan undi dari masyarakat Melayu di Singapura. Jumlah ini meningkat dengan mendadak pada PRU 1959 iaitu kepada 62.4 peratus. Pesaing utama UMNO di kerusi pengundi Melayu iaitu PAP hanya memperoleh 30.4 peratus dari masyarakat Melayu pada PRU 1959. Jumlah undi popular untuk PAP meningkat sedikit berbanding PRU 1955 iaitu 27 peratus. Undi popular pengundi Melayu terhadap SPA merosot berbanding PRU 1955 iaitu 49.4 peratus kepada 22.6 peratus pada PRU 1959. Berdasarkan rajah tersebut, berlakunya perubahan ketara terhadap pola pengundi Melayu di Singapura pada PRU 1959 berbanding PRU 1955. Perubahan pola pengundi Melayu ini membuktikan UMNO mendominasi masyarakat Melayu di Singapura pada PRU 1959.

Faktor utama yang menyebabkan berlakunya pola perubahan sokongan pengundi Melayu terhadap UMNO adalah berdasarkan kepada tindakan pemimpin parti yang berusaha menonjolkan imej sebagai parti penaung dan pembela masyarakat Melayu di Singapura. Melalui tindakan ini, UMNO secara asasnya mempraktikkan strategi politik naungan sepanjang penglibatan parti itu dalam politik Singapura. Definisi politik naungan adalah memastikan kaum tertentu terikat dengan perjuangan parti berdasarkan kepada tindakan sebagai penaung terhadap mereka (Naim Fakhirin, 2025). Berdasarkan kepada perkara ini, UMNO bertindak menonjolkan bahawa hanya melalui UMNO di Singapura, kebajikan masyarakat Melayu di Singapura adalah terbela. Di samping itu, UMNO turut memperlihatkan parti adalah tempat untuk masyarakat Melayu bernaung. Melalui perkara ini, pemimpin UMNO di Singapura turut menanam doktrin ‘orang Melayu yang bertanding atas tiket parti lain selain UMNO adalah pengkhianat terhadap bangsa sendiri’. Oleh itu, orang Melayu yang bertanding atas tiket PAP akan dilabel sebagai pengkhianat bangsa. Perkara ini dijadikan sebagai isu utama semasa kempen pilihan raya dan berjaya menonjolkan Othman Wok, calon PAP untuk kerusi Kampong Kembangan sebagai pengkhianat terhadap bangsa Melayu di Singapura.

KESIMPULAN

Secara asasnya, UMNO berjaya meningkatkan sokongan dalam kalangan pengundi Melayu di Singapura dalam tempoh PRU 1955 hingga PRU 1959. PRU 1955 menjadi medan ujian terhadap UMNO untuk melihat sama ada pengundi Melayu di Singapura memberi sokongan terhadap parti itu atau sebaliknya. Namun kemenangan untuk satu kerusi pada PRU 1955 membolehkan UMNO mengorak langkah dengan lebih jauh untuk PRU seterusnya. Perlantikan satu-satunya wakil UMNO dalam jawatan tertinggi iaitu Timbalan Ketua Menteri membolehkan UMNO menonjol dalam kalangan pengundi Melayu di Singapura. Sehubungan itu, PRU 1959 memperlihatkan kedudukan UMNO dalam kalangan pengundi Melayu di Singapura bertambah kukuh. Kemenangan terhadap tiga kerusi majoriti pengundi Melayu di Singapura membuktikan kenyataan tersebut. Strategi UMNO terhadap tiga perkara penting iaitu pemilihan kawasan yang ditandingi, kriteria calon dan isu tumpuan semasa tempoh kempen telah mempengaruhi keputusan terhadap parti itu. Perkara ini secara tidak langsung menjadi kelangsungan politik UMNO di Singapura. Secara asasnya, UMNO berjaya meletakkan kedudukan parti itu bukan sahaja sebagai antara parti utama di Singapura, malah memainkan peranan sebagai penaung pengundi Melayu di Singapura dalam tempoh 1955-1959.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan dan editor Jurnal SARJANA, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini

RUJUKAN

- Abdullah Ahmad. 2016. *Conversations with Tunku Abdul Rahman*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Barr, D. (2014). *The Ruling Elite of Singapore: Networks of Power and Influence*. Singapore, Institute of Southeast Asia.
- Bilveer Singh, B. 2019. *Is The People's Action Party Here To Stay?: Analysing The Resilience Of The One-party Dominant State In Singapore*. Singapore: WS Publishing.
- CO 1030/310. 1959. United Malay National Organisation (UMNO) and Malayan Chinese Association (MCA) Alliance.
- DO 35/9922. 1959. United Malay National Organisation
- Eugene Tan. (2024). Singapore in 2023: Of Political Setbacks and Succession, Revitalizing the Middle Ground, and Keeping Spirits Up. *Journal Southeast Asian Affairs*, 263-279.
- FCO 141/14598. (1955). Singapore: Local Political Parties.
- FCO 141/14651. 1959. Singapore: Political Trends in Singapore.
- FCO 141/14784. (1959). Singapore: 'Petir' (Organ of the People's Action Party).
- FCO 141/14854. (1957). Singapore: Legislative Assembly; Composition and Elections.
- FCO 141/15298. (1956). Singapore: Reports of Political Intelligence.
- Hussin Mutalib. 2004. *Parties and Politics: A Study of Opposition Parties and the PAP in Singapore*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Jayakumar, S. 2022. *A History of the People's Action Party, 1985-2021*. Singapore: NUS Press.
- Muhammad Naim Fakhirin, *Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor, Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 52 (1) (Mac 2025): 114-134.
- Muhammad Naim Fakhirin, *Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959*. e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities, Volume 22, Issue 2 (2025).
- Ong, E. J. 2022. *Opposing Power: Building Opposition Alliances in Electoral Autocracies*. New York: Michigan University Press.
- Reports of Legislative Election. (1955). Singapore Election Department.
- Reports of Legislative Election. (1959). Singapore Election Department.
- Singapore Standard, 28 April 1959.
- Soda, Naoki. 2020. *Conceptualizing the Malay World: Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*. Tokyo: Kyoto University Press.
- The Straits Times, 1 Oktober 1956
- The Straits Times, 15 Februari 1955
- The Straits Times, 3 Oktober 1956
- The Straits Times, 4 Mac 1955.
- Tschacher, T. 2017. *Race, Religion, and the 'Indian Muslim' Predicament in Singapore*. Singapore: Taylor & Francis.
- Utusan Melayu, 19 Februari 1955
- Utusan Melayu, 27 April 1959.
- Wah, Y. K. 1973. *Political Development in Singapore, 1945-1955*. Singapore: NUS Press.

¹ Fakulti Pengajian Umum & Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak. 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman. naim_fakhirin@yahoo.com